

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/10/01 - 49

KEM CERDIK CUKAI MEDIUM TERBAIK PUPUK KESEDARAN CUKAI

Bangi 1 Oktober – Kem Cerdik Cukai 2019 yang sudah masuk edisi kesembilan penganjurannya diyakini sebagai medium terbaik untuk memupuk kesedaran cukai dalam kalangan belia negara ini. Keyakinan tersebut dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan dalam ucapannya ketika merasmikan Kem Cerdik Cukai 2019 di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi pada hari ini.

Menurut beliau lagi, selaku generasi pewaris negara, para belia dan pelajar sekolah pada masa ini merupakan bakal pembayar cukai pada masa hadapan. Sehubungan itu, mereka mestilah memahami tanggungjawab yang perlu dimainkan bagi memastikan pembangunan negara dapat diteruskan dan harapan untuk melihat negara ini maju dapat dilaksanakan.

Sementara itu, melihat kepada kepentingan kesedaran cukai pada usia muda dalam usaha meningkatkan pematuhan dan hasil cukai negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sedia untuk mengadakan perbincangan yang lebih serius dengan Kementerian Pendidikan Malaysia agar modul percukaian dapat diperkenalkan dalam silibus pendidikan negara ini. Ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya, Yang Berbahagia Dato' Sri Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM turut mendedahkan bahawa silibus percukaian di peringkat sekolah telah lama diperkenalkan di beberapa negara termasuk di Australia dan Jepun. Hasilnya bukan sahaja pematuhan cukai di negara-negara tersebut dapat ditingkatkan, malah kutipan cukai mereka juga menjadi lebih baik.

Kem Cerdik Cukai (KCC) 2019 merupakan kem kali kesembilan anjuran bersama LHDNM dan KPM yang berlangsung di Akademi Percukaian Malaysia Bandar Baru Bangi, mulai 29 September 2019 dan akan berakhir pada 4 Oktober 2019. KCC pada kali ini bertemakan "Generasi Celik Cukai Pewaris Malaysia Maju" melibatkan 122 orang peserta dari sekolah-sekolah menengah terpilih seluruh negara iaitu 92 orang pelajar Tingkatan Enam dan 30 orang guru pembimbing yang mengikuti pelbagai aktiviti mengenai percukaian. Antara aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah *Taxplore Race* yang merupakan aktiviti dalam bentuk *Explore Race* bertemakan percukaian serta simulasi e-Filing, *teambuilding*, ceramah motivasi dan *Infotaxtainment* iaitu

persembahan pentas berbentuk hiburan santai yang sarat dengan maklumat kepentingan percukaian kepada negara.

Turut hadir pada majlis perasmian yang berlangsung pada hari ini ialah Yang Berbahagia Dato' Mohd Jamil Bin Mohamed, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berusaha Tuan Syed Hisham Bin Syed Mansor, Pengarah Akademi Percukaian Malaysia, Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan pegawai-pegawai kanan LHDNM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 01 Oktober 2019



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



Gambar 1: YB Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah semasa menyampaikan ucapan perasmian KCC IX.



Gambar 2: Peserta KCC IX bergambar bersama-sama dengan barisan tetamu kehormat.



Gambar 3: Peserta KCC IX tidak melepaskan peluang untuk bergambar swafoto bersama-sama dengan YB Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah.

